



*Memo*

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047  
**Tarikh** : 15 Mac 2018

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BIL. 17 TAHUN 2018**

**BAYARAN PEMBAHARUAN LESEN MEMANDU  
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2017**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Ke-113 bersetuju terhadap pemakaian dan pelaksanaan **Pekeliling Perkhidmatan Bil.1/2017: Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.**

3. Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu diperuntukkan kepada pegawai bertaraf tetap dan kontrak yang dilantik sebagai:

- 3.1. pemandu kenderaan Kerajaan; atau
- 3.2. pegawai yang **diarahkan secara bertulis oleh Ketua Jabatan** untuk memandu kenderaan Kerajaan sebagai tugas mereka di samping melaksanakan tugas jawatannya sendiri.
- 3.3. Mempunyai lesen memandu kenderaan yang sah.


4. Syarat-Syarat Pembayaran

- 4.1. Pemandu atau pegawai yang layak boleh menerima Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu yang dibuat pada **tahun semasa sahaja** melalui tuntutan Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu kepada jabatan atau boleh memohon untuk diberi wang pendahuluan.
- 4.2. Pemandu atau pegawai tidak layak menuntut Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu sekiranya tidak ditugaskan lagi memandu kenderaan Kerajaan atas sebab-sebab tertentu.

5. Kadar Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Pengangkutan Malaysia atau pihak berkuasa lain yang berkaitan.
6. Adalah menjadi **tanggungjawab pemandu atau pegawai** untuk memastikan:
  - 6.1. pembaharuan lesen memandu hendaklah dibuat **sebelum tarikh lesen tersebut tamat tempoh**. Sebarang bayaran denda yang dikenakan kerana lewat membaharui lesen memandu tidak akan ditanggung oleh LGM; dan
  - 6.2. tuntutan Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu yang dikemukakan adalah teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.
7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Surat Pekeliling Perkhidmatan dan perenggan dalam Pekeliling Perkhidmatan seperti yang berikut adalah **dibatalkan**:
  - 7.1. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1973;
  - 7.2. ~~Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 1973; dan~~
  - 7.3. perenggan 3.5, Lampiran C, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**



**(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)**

s.k: Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian